

# Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Watak Kartun Animasi Oleh Penonton Di Malaysia

Asrina Suriani Md Yunus, Marziana Abdul Majid, Farhana Abdullaah Asuhaimi, Mohd Azrul Sulaiman & Maisarah Hanis

*Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, KUIS, Selangor.*

[asrina@kuis.edu.my](mailto:asrina@kuis.edu.my)

**Abstrak.** Perkembangan animasi di Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif. Semakin banyak rancangan animasi tempatan tersiar di kaca televisyen menerusi saluran TV1, TV2, TV3, TV9, Astro Ceria dan Disney Channel. Animasi tempatan memaparkan budaya dan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, disulami dengan mesej-mesej tertentu. Projek ini telah dijalankan di bawah Geran Penyelidikan Inovasi KUIS Fasa I 2016 selama setahun, bertajuk “Genius Amin”. Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap watak kartun animasi oleh penonton di Malaysia. Lima faktor telah diberi penekanan dalam kajian ini iaitu nilai-nilai dalam karektor, personaliti watak kartun animasi, ciri-ciri fizikal watak kartun animasi, pilihan bahasa dan keistimewaan atau kelebihan watak kartun animasi. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, pelajar IPT sehingga ke peringkat dewasa. Minimum umur responden yang ditetapkan untuk kajian ini ialah 12 tahun. Kajian menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif secara edaran borang selidik dan analisis kajian dibuat menggunakan perisian SPSS versi 6. Hasil kajian akan menunjukkan hubungan antara pembolehubah bersandar iaitu minat terhadap watak kartun animasi dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu nilai-nilai dalam karektor, personaliti watak kartun animasi, ciri-ciri fizikal watak kartun animasi, pilihan bahasa dan keistimewaan atau kelebihan watak kartun animasi. Hasil kajian dalam bentuk analisis soal selidik akan digunakan untuk melahirkan watak animasi “Genius Amin” yang membawa perwatakan dan jalan cerita yang mempunyai nilai atau mesej yang ingin diketengahkan kepada masyarakat.

**Kata Kunci:** watak animasi; kartun; nilai karektor; personaliti watak kartun; fizikal watak kartun; keistimewaan watak kartun; kelebihan watak kartun.